

DOSM, UPSI jalin kerjasama tingkat mutu perkongsian data

SHAH ALAM- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi perkongsian dalam penganalisaan data, penyelidikan perkongsian hasil analisis serta penemuan baharu.

MoU itu ditandatangani oleh Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua agensi tersebut.

Mohd Uzir berkata, perjanjian itu juga melibatkan kerjasama berkaitan dengan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam bidang statistik, pembekalan, penyimpanan, pertukaran maklumat serta peningkatan mutu maklumat rasmi seperti yang tertakluk oleh undang-undang yang akan dipersetujui bersama.

Menurutnya, DOSM telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) sebagai penyelaras data antara agensi bagi mengumpul seberapa banyak maklumat termasuklah sosioekonomi isi rumah.

“Ia bertujuan menyediakan maklumat yang komprehensif bagi per-



Mohd Uzir (dua dari kanan) dan Md Amin (dua dari kiri) menunjukkan MoU antara DOSM dan UPSI yang ditandatangani di UPSI, Tanjung Malim pada Jumaat.

khidmatan kerajaan dalam memastikan pelaksanaan subsidi bersasar dapat di-realisasikan dan boleh diakses melalui portal www.padu.gov.my.

“Selain itu, pembangunan Portal OpenDOSM NextGen, aplikasi mudah alih serta statistik MyLocal Stats serta Kawasanku memaparkan statistik kepadudukan, indikator demografi, sosioekonomi peringkat granular yang boleh

menjadi nadi kepada perancangan lebih khusus serta spesifik sebagai rujukan dan analisis perbandingan.

“Maklumat yang diperoleh ini akan dapat memudahkan kerjasama dalam penyelidikan bersama kelak,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Ujar beliau, kerjasama yang dibuat akan meneruskan lagi sokongan pembangunan pakar bidang di kedua-dua

belah pihak bagi memenuhi keperluan data semasa dan akan datang.

MoU antara DOSM bersama UPSI ini katanya, merupakan pembaharuan kepada MoU yang telah dimeterai sebelum ini pada tahun 2015 dan UPSI adalah antara 24 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara yang telah menjalankan kerjasama MoU bersama DOSM.

“Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

“DOSM juga akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024 bertemakan ‘Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian’ dan maklumat lanjut boleh layari <https://www.mya-gricensus.gov.my/>,” katanya.

PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara serta pemastautin tetap yang telah dilancarkan pada 2 Januari 2024.

Matlamat utama PADU adalah untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada mendapat insentif yang disediakan oleh kerajaan.